

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	13/4/2017	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

# Tanggungjawab kita pulihara alam sekitar

**S**AYA sering ditanya banyak pihak tentang apakah yang mendorong saya memperjuangkan isu-isu berkaitan khazanah alam yang sangat mencahar?



**Menjengah Minda**  
Bersama SHARIFFA SABRINA SYED AKIL

Kebanyakan mereka berpendapat bahawa dengan kedudukan sedia ada, saya boleh sahaja menumpukan perhatian kepada perkara-perkara lain yang lebih menyeronokkan bersama keluarga dan sahabat-sahabat.

Saya dilahirkan dan dibesarkan di Pulau Pinang. Sejak remaja, saya amat menyukai aktiviti lasak yang berkait rapat dengan alam semula jadi. Apabila saya dewasa dan berkahwin, saya tetap meneruskan minat kepada aktiviti lasak seperti memandu kenderaan pacuan empat roda di dalam hutan dan berjalan meredah hutan sambil menikmati keindahannya.

Cinta dan sayang saya kepada hutan dan khazanahnya telah membawa saya kepada pelbagai lokasi hutan di Malaysia dan luar negara.

Bagaimanapun sejak 10 tahun kebelakangan ini, saya kerap melihat banyak hutan di negara ini mula dimusnahkan dengan alasan pembangunan, pertanian dan ekonomi.

Saya berasa amat sedih dan bimbang seandainya pembukaan hutan di negara ini tidak dihentikan atau dipulihara semula, lama-kelamaan, harta bernilai milik negara dan rakyat Malaysia itu akan pupus sedikit demi sedikit untuk tempoh 20 tahun akan datang.

Terdapat pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar telah wujud di Malaysia dan sering membangkitkan isu-isu semasa namun ia sering dipandang sepi oleh pihak berkuasa.

Pembalakan-pembalakan pula sama ada berpermit atau tidak, semakin galak membuka hutan atas pelbagai alasan. Mereka sering mendapat kekebalan kerana yakin ada pihak tertentu akan mempertahankan aktiviti pembalakan yang dijalankan.

Maka, saya dan rakan-rakan merasakan bahawa sebuah NGO baharu perlu diwujudkan bagi membantu dan saling melengkapi NGO-NGO sedia ada untuk sama-sama berjuang dan menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di negara ini.

Saya dan rakan-rakan telah mengambil inisiatif menubuhkan Peka Malaysia pada tahun 2010 untuk menjadi platform perjuangan saya dan rakan-rakan yang sama-sama bimbang mengenai keadaan khazanah alam kita yang semakin rakus dimusnahkan.

Kita sebagai rakyat Malaysia yang mencintai negara ini dan memikirkan nasib generasi yang akan datang perlu sentiasa bersikap proaktif dalam perjuangan berkaitan khazanah alam di Malaysia.

Jika kita bersikap tunggu dan lihat, saya khawatir lama-kelamaan kita hanya mampu melihat hutan di negara ini akan menjadi 'padang jarak padang tekukur'.

Saya selalu berfikir, jika saya membiarkan kemusnahan hutan terus berlaku dan tidak berusaha membantu menanganinya, satu hari nanti anak dan cucu-cicit kita akan menderita kerana menghadapi pelbagai musibah alam akibat sikap pentingkan diri yang kita amalkan selama ini.

Saya yakin ramai di luar

sana mempunyai pandangan dan objektif yang sama seperti saya dan Peka Malaysia, cuma mereka tidak mempunyai platform yang betul atau tidak tahu bagaimana ingin menyuarakannya.

Kita perlu sentiasa peka dan berterusan untuk memperjuangkan isu-isu kemusnahan hutan di negara ini sehinggalah pihak berkuasa dan kerajaan menjadikan pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah alam di Malaysia menjadi salah satu agenda utama negara.

Saya dan Peka Malaysia bukanlah anti pembangunan tetapi apa yang kami sering persoalkan dan perjuangkan adalah sikap pembalakan yang menebang pokok hutan tanpa etika sehingga semua jenis pokok tanpa mengira saiz, umur dan jenis ditebang. Malah, kawasan berhampiran sungai dan tadahan air turut dibalakan tanpa mengambil kira kesan musibah yang bakal melanda.

Kita sering menyalahkan kejadian alam seandainya musibah terjadi dan menganggapnya sebagai takdir semata-mata tetapi kita lupa bahawa setiap musibah yang berlaku ada sebabnya.

Musim panas dan tengkujuh sudah sukar diramal dan ditentukan sepertimana 10 tahun sebelum ini.

Pelbagai andaian sama ada secara sains dan pandangan oleh pakar-pakar alam sekitar, individu dan NGO-NGO berkaitan. Apa pun alasan dan pandangannya, kita perlu merenung kembali tindakan yang telah dilakukan

oleh sesetengah pihak terutamanya pembalakan-pembalakan sehinggalah hutan di negara ini telah lenyap dalam keluasan yang sangat luas dalam tempoh yang singkat.

Akta dan undang-undang berkaitan alam sekitar sedia ada yang sepatutnya menjadi alat penjagaan hutan di negara ini selalu disalahgunakan untuk menyekat hak rakyat dan NGO alam semula jadi bersuara.

Undang-undang di peringkat negeri dan Persekutuan berkaitan tanah dan hutan tidak pernah 'seiring' malah kedua-dua pihak kerap tidak sependapat dalam isu tanah dan hutan.

Maka, saya dan Peka berharap agar akta dan undang-undang sedia ada ditambah baik dan diselaraskan di peringkat negeri dan Persekutuan agar tiada percanggahan daripada aspek perundangan dan kuasa.

● **PUAN SRI SHARIFFA SABRINA SYED AKIL** ialah Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka)